

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN  
(SEMBRONG)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah keperluan Kertas Putih Pertahanan Negara dan sejauh mana ia akan memberi perubahan terhadap Dasar Pertahanan Negara pada masa akan datang. Selain daripada kandungan mengenai langkah dan perkara yang perlu dilakukan bagi mempertahankan negara, adakah Kertas Putih tersebut juga mengandungi inisiatif kebajikan untuk para tentera.

**JAWAPAN**

Dasar Pertahanan Negara (DPN) yang sedang berkuatkuasa merupakan versi tahun 2006. Untuk itu, proses kajian semula dan pengemaskinian DPN adalah wajar bagi memastikan ianya sentiasa relevan. Dalam mendokong hasrat kerajaan untuk menyemai tadbir urus yang baik melalui prinsip keterbukaan, ketelusan, inklusif dan progresif, Kertas Putih Pertahanan (KPP) akan diterbitkan bagi menggantikan DPN. KPP merupakan satu dokumen pernyataan niat, kemampuan juga menggariskan arah tuju pertahanan dan keselamatan negara.

Manfaat pembangunan KPP boleh dilihat dari dua perspektif utama, iaitu daripada perspektif sebagai sebuah kerajaan dan daripada perspektif sebuah negara. Dari perspektif sebuah kerajaan, kerajaan yang menerbitkan Kertas Putih dilihat sebagai kerajaan yang mengamalkan tadbir urus yang baik. Ini adalah kerana ciri-ciri kertas putih itu sendiri yang mengamalkan prinsip ketelusan, keterbukaan dan inklusif. Ia juga mencerminkan profesionalisme dan *accountable*.

Dari perspektif sebuah negara pula, KPP akan dapat mengetengahkan pendirian Malaysia dan dapat memastikan keberadaan (*positioning*) pendapat Malaysia di arena antarabangsa. Perkara – perkara yang dipelopori, diperjuang dan diketengahkan oleh

Malaysia akan menjadi sebahagian daripada strategi penyelesaian isu – isu keselamatan serantau dan global.

Berhubung dengan inisiatif kebajikan untuk para tentera, KPP merupakan dokumen yang dibangunkan atas prinsip inklusif, ketelusan dan berasaskan bukti (*evidence based*). Sehubungan dengan itu elemen kebajikan tentera dan pesara tentera juga telah diambil kira di dalam penulisan KPP. Disamping itu modal insan pertahanan akan turun diberikan penekanan dalam KPP ini.